

19 NOV 1999

Fokus: Mahathir-Mandat

BN PERLU MANDAT TERUSKAN PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR; -- Apabila Datuk Seri Dr Mahathir mendesak rakyat supaya terus memberikan mandat kepada Barisan Nasional untuk kembali menerajui pemerintahan negara pada pilihan raya umum 29 Nov ini, ia bukan soal mengekalkan kedudukan atau kerusi Perdana Menteri yang disandangnya.

Sebaliknya ia adalah soal meneruskan kesinambungan perjuangan yang belum selesai yang membabitkan soal survival bangsa, agama dan negara.

"Sebarang cubaan untuk menyekat BN daripada meneruskan perjuangannya yang belum selesai boleh membantut segala usaha pembangunan yang telah, sedang dan akan dirancang ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

"Ia juga sekali gus akan merendahkan semula martabat bangsa dan agama, memusnahkan budaya dan nilai-nilai hidup rakyat jelata dan seterusnya mendedahkan negara kepada pelbagai bentuk penjajahan cara baru oleh kuasa-kuasa asing," tegas Dr Mahathir.

Menurutnya, kalaulah kepentingan diri yang diharapkan, tidak ada guna baginya memikir dan merancang sesuatu projek pembangunan sehingga menjangkau masa 100 tahun akan datang.

"Kalaulah saya fikir kepentingan diri apa perlunya saya merancang pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru di Sepang yang boleh menampung keperluan 100 tahun akan datang?

"Ia semua adalah untuk kepentingan generasi akan datang kerana manfaat daripada projek-projek jangka panjang itu mungkin tidak sempat dinikmati oleh kita semua pada hari ini," ujar beliau.

Dalam konteks itulah Dr Mahathir tidak mahu rakyat memperjudikan nasib masa depan mereka dengan memilih sebuah kerajaan yang lain selain daripada BN pada pilihanraya kali ini.

Parti-parti pembangkang yang ada sekarang bukan sahaja tidak mempunyai wawasan tetapi pemimpin-pemimpinnya juga tidak mempunyai idea yang boleh diketengahkan untuk kebaikan negara, terutama dalam keadaan-keadaan terdesak, jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin BN.

Ini boleh disaksikan daripada sikap pemimpin-pemimpin pembangkang ketika krisis ekonomi serantau turut melanda Malaysia baru-baru ini. Mereka membidas setiap usaha kerajaan tetapi enggan menyertai Majlis Perundingan Ekonomi Negara (National Economic Consultative Council) untuk sama-sama menyumbangkan buah fikiran bagi membebaskan negara daripada cengkaman kemelut itu.

Sebaliknya, menerusi pemusatan dan perkongsian idea sesama sendiri, pemimpin-pemimpin BN berjaya merangka pelbagai strategi sendiri bagi mengatasi krisis itu dan akhirnya Malaysia kini telah dapat melepaskan diri daripada kemelut itu dengan jayanya.

Menurut Dr Mahathir, ketika negara-negara lain di rantau ini terpaksa melutut meminta bantuan daripada negara-negara atau institusi luar seperti Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), kerajaan BN dengan berani memperkenalkan beberapa peraturan dan formula yang sesuai dengan keperluan dalam negeri. Ia termasuk memperkenalkan peraturan kawalan matawang untuk memastikan Ringgit Malaysia tidak terus-terusan menjadi mangsa manipulasi atau spekulasi penyangak-penyangak matawang asing.

"Tindakan itu ternyata berjaya mengembalikan kestabilan Ringgit berbanding beberapa matawang utama dunia," katanya.

Idea segar pemimpin-pemimpin BN juga berjaya mengatasi kelembapan beberapa sektor ekonomi yang turut terjejas akibat krisis kewangan itu,

termasuk sektor pembinaan dan pembuatan.

"Kita melancarkan kempen pemilikan rumah apabila para pemaju menghadapi kesulitan untuk menjual rumah atau bangunan yang mereka bina. Kita juga menggalakkan penganjuran karnival jualan kereta di seluruh negara apabila pengedar atau pengilang kenderaan di negara ini sukar untuk mendapat pelanggan," ujar Perdana Menteri.

Idea-idea bernas itu berjaya dicetuskan kerana dibawah sistem perkongsian kuasa BN, pemimpin-pemimpinnya sentiasa duduk semeja bagi bertukar-tukar pendapat dengan matlamat yang sama iaitu mencari kebaikan untuk rakyat dan negara.

"Apabila kertas kabinet tidak lagi diklasifikasikan sebagai rahsia pada suatu hari kelak, rakyat boleh melihat sendiri bagaimana dua jam pertama setiap mesyuarat kabinet ditumpukan oleh para menteri yang mewakili pelbagai parti komponen BN berbincang dan bertukar-tukar fikiran agar idea-idea baru dapat dilahirkan.

"Hanya selepas itu barulah mesyuarat itu memberi tumpuan kepada kertas kabinet dan hal-hal pentadbiran harian negara yang lain," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir sebenarnya bukan tidak sedar bahawa ada sesetengah projek pembangunan yang dijalankan kerajaan BN tidak popular di kalangan sesetengah rakyat pada masa kini termasuk projek KLIA, pembangunan bandar Putrajaya dan litar lumba kereta Formula One di Sepang.

"Bagaimapun, kita tetap meneruskan perlaksanaan projek-projek itu kerana kita mempunyai keyakinan penuh setiap wawasan yang diketengahkan pasti akan mendatangkan manfaat yang besar pada rakyat dan negara pada suatu hari kelak," katanya.

Bahkan, katanya, kecepatan proses pembinaan bandar Putrajaya dan kecanggihannya dalam pelbagai aspek sesuai dengan peranannya sebagai pusat pentadbiran kerajaan dan bandar alternatif kepada Kuala Lumpur kini menjadi kebanggaan seluruh rakyat kerana perancangan untuk mewujudkan sebuah bandar alternatif bagi menampung keperluan dan kepadatan penduduk kotaraya Bangkok dan Tokyo hingga kini masih belum terlaksana.

Wawasan yang berteraskan kepentingan rakyat dan negara juga mendorong kerajaan BN membina litar Formula One di Sepang kerana ia pasti boleh menjana minat masyarakat antarabangsa untuk mengenali negara ini dengan lebih dekat lagi dan seterusnya mendorong mereka menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelaburan modal yang berdaya maju.

Itu semua hanya sebahagian kecil daripada manifestasi kecemerlangan idea yang dicetuskan oleh pemimpin-pemimpin BN. Bagi menyaksikan lebih banyak idea seumpama itu diterjemahkan kepada realiti, rakyat mestilah menyekat sebarang usaha pihak pembangkang untuk menafikan BN daripada menguasai 2/3 kerusi Parlimen pada pilihan raya kali ini.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan yang dibentuk kelak mestilah berada pada landasan yang kukuh agar perlaksanaan beberapa lagi agenda pembangunannya dapat diperhebatkan apabila negara melangkah ke alaf baru tahun 2000, termasuk mempermodenkan sektor pertanian.

"Kita yakin sektor pertanian mempunyai potensi yang besar dan boleh membebaskan negara daripada terlalu bergantung kepada import barang makanan daripada luar sambil meningkatkan lagi taraf hidup rakyat khususnya pekebun-pekebun kecil," ujar Perdana Menteri.

Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin BN yang lain setakat ini telah berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati dan rakyatnya pula suatu bangsa yang mempunyai budaya dan nilai-nilai hidup yang tinggi.

Segala-galanya itu akan musnah jika BN disekat daripada meruskan perjuangannya yang belum selesai.

-- Bernama

AM